

**Ketelusan Kerajaan, Pembangkang Terpaksa Ubah Isu
Bernama
16 Oktober, 2011**

KANGAR, 16 Okt (Bernama) -- Ketelusan kerajaan dalam melaksanakan dasarnya membuatkan pihak pembangkang sering mengubah isu mereka, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurutnya, kerajaan telah melakukan yang terbaik untuk rakyat sehingga pembangkang tidak mempunyai ruang untuk mengkritik.

"Sebab itu apabila kita jawab isu yang mereka timbulkan, mereka terpaksa mengalih kepada isu lain pulak," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri majlis penerangan perdana peringkat negeri Perlis di sini.

Kira-kira 4,000 orang menghadiri majlis penerangan itu yang berlangsung di Kompleks Warisan di sini.

Sebagai contoh, Hishammuddin berkata, pembangkang juga pernah menuduh kerajaan memberi taraf kewarganegaraan kepada ramai warga Bangladesh dengan mempunyai agenda tertentu.

Bagaimanapun jumlah sebenarnya hanya 28 orang tetapi hanya separuh daripadanya yang layak mengundi dan hanya tiga atau empat orang memohon menjadi pemilih.

Mengenai isu pengundi hantu yang turut dibangkitkan oleh pembangkang, beliau berkata, perkara itu akan didedah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambakan Proses Pilihan Raya yang turut dianggotai tiga anggota pembangkang dan satu wakil bebas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620248>